KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel : 03-8883 3269/3099/3362
Faks : 03-8883 4389/4364/4395
Web : http://finance.moh.gov.my

QUALITY SYSTEM
STANDARDS MALAYSIA
ACCREDITED CERTIFICATION BODY
MS ISO/IEC GUIDE 52:1999
QS 02121999 CB 01
SIRIM
PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO.SIJIL : AR 5597

Ruj. Kami : (29)KKM.400-9/5/3 Jld. 4
Tarikh : 19 Januari 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PENGECUALIAN FI KUARANTIN KEPADA PENJAWAT AWAM PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN DI STESEN KUARANTIN DAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin) (No. 2) 2020, sukacita dimaklumkan bahawa pengecualian bayaran kos kuarantin di stesen kuarantin telah diberikan oleh YB Menteri Kesihatan kepada penjawat awam perkhidmatan persekutuan yang bertugas rasmi dan perlu menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin.

3. Kos kuarantin tersebut adalah ditanggung oleh kementerian/jabatan masing-masing dengan kaedah pelaksanaan seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti berikut:

(a) mana-mana penjawat awam yang **bertugas rasmi** sama ada balik dari luar/dalam negara dan diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib adalah berkelayakan untuk dikecualikan. Perkara ini termasuk juga penjawat awam yang bertugas rasmi ke luar negara yang diwajibkan menjalani kuarantin wajib mengikut tempoh yang ditetapkan oleh negara berkenaan. Majlis/program rasmi Kerajaan adalah merangkumi:

(i) mesyuarat;
(ii) seminar, bengkel, kursus dan latihan;
(iii) persidangan;
(iv) ceramah;
(v) semua majlis rasmi Kerajaan; dan
(vi) arahan bertugas dari semasa ke semasa oleh ketua jabatan.

(b) fi kuarantin perlu **dibayar terlebih dahulu** oleh pegawai berkenaan dan tuntutan bayaran fi kuarantin boleh dibuat kepada kementerian/jabatan masing-masing menggunakan pengurusan tuntutan dan pendahuluan diri. **Kos kuarantin maksimum adalah sebanyak RM1,000 (bagi kuarantin 10 hari)** dan **tertakluk kepada kadar caj kuarantin sebanyak RM100 sehari di Institusi Latihan Awam (ILA)** dan **tempoh kuarantin yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan**;

(c) penjawat awam yang **bukan menjalankan tugas rasmi** hendaklah membayar fi kuarantin yang ditetapkan dan tidak dikecualikan;

(d) penjawat awam berkenaan hendaklah memberi keutamaan untuk memilih kuarantin di ILA berbanding hotel. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permohonan daripada pegawai untuk kuarantin di hotel, **had tuntutan bayaran balik adalah sebanyak RM100 sehari** seperti kadar di ILA. Lebihan kos perlu ditanggung sendiri oleh pegawai;

(e) perbelanjaan kos kuarantin bagi ahli keluarga/tanggungan pegawai tersebut yang pergi/balik bersama-sama **tidak ditanggung** oleh Kerajaan. Sebaliknya kos tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pegawai berkenaan; dan

(f) pelaksanaan pengenaan fi kuarantin kepada penjawat awam perkhidmatan persekutuan di stesen kuarantin dan tuntutan bayaran balik kepada kementerian/jabatan masing-masing adalah **berkuat kuasa serta merta**.

4. Untuk makluman, pelaksanaan pengecualian fi kuarantin kepada penjawat awam perkhidmatan persekutuan turut dipanjangkan kepada

perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing. Sehubungan itu, dimohon kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/tuan/puan untuk memanjangkan perkara ini kepada agensi badan berkanun dan PBT di bawah seliaan kementerian/jabatan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/tuan/puan.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai Bahagian Kewangan, KKM seperti berikut:

(a) Puan Murni Rahayu binti Ahmad Anuar
Emel : murnirahayu@moh.gov.my
Telefon : 03-8883 3068

(b) Puan Siti Asmah binti Yunus
Emel : s.asmah@moh.gov.my
Telefon : 03-8883 3740

(c) Cik Nur Athirah binti Mohamad Zaini
Emel : n.athirah@moh.gov.my
Telefon : 03-8883 3518

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berkaitan perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD AZMAN BIN ISMAIL)
Bahagian Kewangan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k Pengarah BPKK

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
   Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
   Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
   05400 Alor Setar
   Kedah
   (u/p: Unit Hasil)

2. Pengarah
   Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
   Tingkat 5, Wisma Persekutuan
   15590 KOTA BHARU
   KELANTAN
   (u/p: Unit Hasil)

3. Pengarah
   Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
   Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan
   Jalan Business City, Bandar MITC
   75450 AYER KEROH
   MELAKA
   (u/p: Unit Hasil)

4. Pengarah
   Jabatan Kesihatan Negeri Perak
   Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
   30590 IPOH
   PERAK
   (u/p: Unit Hasil)

5. Pengarah
   Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
   Tingkat 3, Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh,
   88590 KOTA KINABALU
   SABAH
   (u/p: Unit Hasil)

6. Pengarah
   Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
   Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1
   Wisma Sunway, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C
   Seksyen 9,
   40100 SHAH ALAM
   SELANGOR
   (u/p: Unit Hasil)

7. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching
SARAWAK
(u/p: Unit Hasil)

8. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG
(u/p: Unit Hasil)

9. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail,
20920 Kuala Terengganu
TERENGGANU
(u/p: Unit Hasil)

10. Pengarah
Jabatan Kesihatan Pulau Pinang
Bangunan MARA, No. 33
Jalan Pangkalan Weld,
10300 PULAU PINANG
(u/p: Unit Hasil)

11. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi,
01000 Kangar
PERLIS
(u/p: Unit Hasil)

12. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah,
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN
(u/p: Unit Hasil)

13. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek
80590 Johor Bharu
JOHOR
(u/p: Unit Hasil)

14. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 KUALA LUMPUR
(u/p: Unit Hasil)

15. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832
87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
(u/p: Unit Hasil)